



NEGERI PERLIS

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 48

9hb Jun 2005

No. 12

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

No. 23.

(Seksyen 254)

NOTIS KEMUNGKIRAN MENGENAI SUATU GADAIAN

Kepada Ab. Halim bin Abu (K/P 5036712) beralamat di No. 26, Jalan Taman Seri Melati 24, Taman Seri Melati, 68100 Batu Caves penggadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan kamu telah tamat perkhidmatan pada 17-06-1996 dan tidak membuat bayaran balik ansuran dari 6/1995, 7/1995, 10/1995, 11/1995, 12/1995, 6/1996–1/2003 yang mana jumlah tunggakan tersebut ialah sebanyak RM12064.90. Oleh itu kamu telah melanggar syarat-syarat pinjaman menurut Fasal 3(a) sebagaimana yang dinyatakan di dalam gadaian dan notis tuntutan peguamcara bertarikh 02-05-1998. Dan kamu telah gagal menjelaskan tunggakan tersebut dan kamu dituntut membayar kesemua baki hutang kamu berjumlah RM31307.89 iaitu baki hutang sehingga bulan 01/2003 berserta faedah yang terakru.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan selama tempoh sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tarikh notis ini.

Saya sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 254, Kanun Tanah Negara, dengan ini menghendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh satu bulan dari tarikh penyampaian notis ini.

Dan ambil perhatian bahawa, jika kamu gagal memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, saya akan memohon suatu perintah jualan.

WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

94

[9hb Jun 2005]

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Kuala Perlis, Negeri Perlis. No. PT.—1820. Jenis dan No. Hakmilik—No. HS(M) 881. Pajakan 99 Tahun—05-03-2089. No. Perserahan 2671, Jilid 7 Folio 1. Satu salinan hakmilik sahaja.

Bertarikh 15 Januari 2003

[PP 18797/90/03]

Setiausaha/Timbalan Setiausaha/
Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Pinjaman Perumahan
Perbadanan Malaysia
(Pegawai yang ditetapkan oleh
Menteri Kewangan di bawah
Seksyen 5(1) Minister of Finance
(Incorporation) Ordinance 1957

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiaran dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR STAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA